

Dr. M: Petani2 perlu bersikap lebih progresif

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

ALOR SETAR, Ahad — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan lagi perlunya para petani di seluruh negara mengubah sikap yang lebih positif untuk meningkatkan kejayaan dibidang pertanian.

Belliau menegaskan, untuk menjayakan matlamat tersebut petani-petani juga perlu bekerja lebih keras serta mempunyai sikap yang progresif untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Pemangku Perdana Menteri berkata, tidak ada larangan dalam agama atau adat resam untuk mengubah sikap yang lebih menguntungkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa merasmikan Hari Peladang Kebangsaan di Tapak Pesta Jalan Kanchut di sini.

Seramai 5,000 orang termasuk Menteri Pertanian Indonesia Prof. Soedarsono Hadi Sapotro menghadiri majlis itu.

Lain-lain Menteri yang hadir ialah Menteri Pertanian, Datuk Haji Manan Othman, Menteri Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dan Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan.

Bantuan

Datuk Seri Dr. Mahathir sebelum itu membidas golongan yang mendakwa "kita tidak harus mengejar kebendaan dan wang ringgit" dan mensifatkan dakwaan itu dihebohkan kerana helah politik sahaja.

Sebaliknya, golongan tersebut tegas belliau, lebih kuat mengejar subsidi padi dari orang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru kaum tani supaya mempunyai perubahan sikap dan sanggup bekerja kuat untuk mencapai kehidupan yang lebih tinggi.

Kerajaan, jelasnya,

hanya memberikan bantuan kepada mereka yang sanggup bekerja sahaja. Katanya mereka yang lebih kuat bekerja lebih banyak bantuan akan diberikan oleh Kerajaan.

Memang benar, tambahnya, Kerajaan mempunyai tanggungjawab tetapi yang betul-betul menguntungkan ialah kepada mereka yang menjalankan usaha sendiri.

Menurut belliau tidak ada gunanya harga padi dinaikkan menjadi \$40 sepikul jika kita tidak menanam padi.

"Tidak ada gunanya Rancangan Perairan Muda jika kita tidak menanam padi dua kali setahun", tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, masih banyak yang boleh dibuat untuk menambahkan pendapatan peladang dan khususnya penanam padi.

"Kita dapati banyak tanah kampung yang tidak diusahakan kerana rumah-rumah kampung bertaburan dengan tidak tentu arah tanpa ditanam dengan apa jenis tumbuhan pun," tambahnya.

Menurut Pemangku Perdana Menteri itu, sekiranya rumah-rumah itu teratur bukan sahaja tanah yang terbiar dapat disatu dan digunakan tetapi segala kemudahan seperti jalan, elektrik dan bekalan air dapat dibekalkan dengan lebih mudah tanpa membazir kepada satu perkampungan yang tersusun.